

## **Keperluan Perwartaan Tanah Rizab Orang Asli**

**Fifi Norhahdah Taman<sup>1</sup> & Rozilah Kasim<sup>1,\*</sup>**

<sup>1</sup>Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, MALAYSIA

\*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2021.02.01.087>

Received 1 March 2021; Accepted 30 April 2021; Available online 1 June 2021

**Abstract:** Aboriginal reserve land in peninsular Malaysia is a recognized right from customary practices and customary law. However, the existing legal system related to the management of aboriginal land reserves is often seen as not in favour of indigenous people. Statistics released by JAKOA in 2012, show that indigenous villages have an area of approximately 151,1431 hectares of which about 30,883 hectares of land or 20% still have reserve land status gazetted under the Orang Asli Act 1954 (Act 134). Although this reserve land is recognized and gazetted as an indigenous area, the gazetting provision can be withdrawn by the state government if necessary through the provisions of the National Land Code 1965 (Act 56). Therefore, the right of indigenous peoples to gazetted reserve land is not guaranteed in the existing legal provisions. This paper focuses on identifying the importance of gazetting reserve land to indigenous people. A qualitative approach of interviews with indigenous villagers in the study area and JAKOA officers were implemented. Data were then analysed using thematic analysis methods. The findings prove that there is an importance of gazetting reserve land for indigenous people in the study area. The results would provide a baseline and a guide to stakeholders in the management of indigenous reserve land.

**Keywords:** Land Gazette, Land Reserve, Indigenous People

**Abstrak:** Tanah rizab orang asli di semenanjung Malaysia adalah hak yang diiktiraf dari amalan resam dan undang-undang adat. Namun, sistem perundangan sedia ada berkaitan pengurusan tanah rizab orang asli sering dilihat tidak memihak kepada orang asli. Statistik yang dikeluarkan oleh JAKOA pada tahun 2012, menunjukkan kampung orang asli mempunyai keluasan lebihkurang 151,1431 hektar yang mana kira-kira 30,883 hektar tanah atau 20% masih lagi berstatus tanah rizab yang diwartakan dibawah Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). Walaupun tanah rizab ini diiktiraf dan diwartakan sebagai kawasan rayau orang asli namun, peruntukan perwartaan ini boleh ditarikbalik oleh kerajaan negeri sekiranya perlu melalui peruntukan Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56). Oleh itu hak orang asli terhadap tanah rizab yang diwartakan tidak terjamin dalam peruntukan perundangan sedia ada. Kajian ini memfokuskan untuk mengenalpasti kepentingan perwartaan tanah rizab terhadap Orang Asli. Pendekatan kualitatif dengan kaedah temubual bersama

penduduk kampung orang asli di kawasan kajian dan pegawai JAKOA dilaksanakan. Penganalisaan data dengan menggunakan kaedah analisa tematik. Kajian ini membuktikan terdapat kepentingan perwartaan tanah rizab terhadap orang asli dikawasan kajian. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pemegang taruh dalam pengurusan tanah rizab orang asli.

**Kata Kunci:** Perwartaan Tanah, Tanah Rizab, Orang Asli

## 1. Pengenalan

Hutan merupakan elemen yang amat berharga bagi masyarakat orang asli. Hutan adalah tempat untuk mereka bercucuk tanam, mencari rezeki, mendapatkan ubat-ubatan tradidisi seperti akar-akar kayu untuk dijadikan herba dan ubat-ubatan tradisional, dan juga mencari sumber makanan. Disamping itu, hutan juga merupakan tempat suci bagi masyarakat arang asli yang sentiasa dipelihara dari turun temurun. Oleh itu, perwartaan hutan sebagai tanah rizab orang asli adalah sangat penting dan signifikan untuk memastikan kawasan tanah rizab ini sentiasa dipelihara dan dilindungi dari dicerobohi seperti pembalakan haram dan lain-lain.

Wilayah Tanah Adat ini merupakan keseluruhan kawasan orang asli yang merangkumi rizab orang asli, kawasan orang asli dan tanah saka yang diwartakan atas nama orang asli (Sahabat Alam Malaysia & Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia, 2016). Hak tanah rizab orang asli merupakan hak-hak yang diperolehi dari amalan-amalan resam dan undang-undang adat orang asal yang diiktiraf dan dikuatkuasakan, lazimnya, secara lisan. Ianya berbeza dengan hak ke atas tanah berdokumen, yang merupakan hak yang diperolehi dari dokumen atau geran bertulis yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Namun, pengertian tanah adat itu perlu didefinisi semula dengan mengambil kira aspek undang-undang, memandangkan tidak semua negeri mengiktiraf tanah adat Orang Asli yang menyukarkan proses perwartaan (Mutakhir, 2020). Berdasarkan Akta 134, Akta Orang Asli 1954, orang asli hanya diberikan hak untuk menduduki dan mengusahakan sesuatu kawasan dengan tujuan menyara diri sahaja dan berhak untuk menerima pampasan (seksyen 12) dalam bentuk gantirugi sekiranya mereka perlu dipindahkan ke penempatan yang lain.

Rumusan terhadap isu dan masalah perwartaan tanah rizab orang asli telah menimbulkan persoalan terhadap kepentingan pewartaan tanah rizab terhadap masyarakat orang asli. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk kepentingan pewartaan tanah rizab terhadap masyarakat orang asli. Skop kajian adalah tertumpu masyarakat orang asli di Bekok, Segamat, Johor.

## 2. Kajian Literatur

### 2.1 Orang Asli

Orang asli ditarifkan sebagai mana mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik orang asli, yang bercakap bahasa orang asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang asal dan adat kepercayaan orang asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu (seksyen 3(a) Akta 134) dan menetap di semenanjung tanah melayu (seksyen 160 (2) Perlembagaan Persekutuan). Orang asli juga dikenali sebagai “orang asal” yang merujuk kepada orang yang terawal menduduki semenanjung tanah melayu. Sekurang-kurangnya terdapat 18 suku kaum orang asli yang mendiami Semenanjung Malaysia yang mana terdiri daripada 3 kumpulan utama seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

### **Jadual 1: Kumpulan utama dan suku kaum orang asli (Benjamin, 2004)**

<b>Kumpulan utama</b>	<b>Suku Kaum</b>	<b>Lokasi</b>
Negrito	kensiu, kintak, lanoh, jahai, mendriq dan bateq	Bahagian utara semenanjung
Senoi	termiar, semai, semoq beri, jahut, mahmeri dan che wong	Bahagian tengah semenanjung
Melayu 'Proto'	kuala, orang kanaq, orang seletar, jakun, semelai dan temuan	Bahagian selatan semenanjung

Setiap kumpulan orang asli mempunyai latar dan sosiekonomi yang berbeza dan diklasifikasikan mengikut cara hidup, kawasan penempatan, sumber pendapatan, agama dan bahasa (Benjamin, 2004). Kebiasaannya, orang asli di Semenanjung tinggal di kawasan pendalaman dan masih bergantung pada sumber hutan untuk mencari rezeki.

## 2.2 Tanah Rizab Orang Asli

Tanah rizab yang lebih dikenali sebagai wilayah tanah adat oleh masyarakat orang asli merupakan keseluruhan kawasan penempatan orang asli seperti yang diperuntukan dalam Akta 134 iaitu melalui seksyen 7(1): Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengisytiharkan mana-mana kawasan yang diduduki hanya oleh orang asli sebagai suatu rizab orang asli: (i) jika didapati tidak mungkin orang asli akan tinggal kekal di tempat itu, tempat itu tidak boleh diisytiharkan sebagai rizab orang asli tetapi hendaklah menjadi sebahagian daripada kawasan orang asli; dan (ii) suatu rizab orang asli boleh diadakan di dalam sesuatu kawasan orang asli. Seksyen 7(1) memperuntukan kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk mengisytiharkan perwartaan mana-mana kawasan yang diduduki oleh orang asli sebagai tanah rizab orang asli.

Tanah atau wilayah adat (Oranisations & General, 2018) hanya digunapakai di Negeri Selangor sahaja sementara di negeri lain masih menggunakan kawasan rizab Orang Asli atau Kawasan/Simpanan Orang Asli. Wilayah tanah adat orang asli dibahagikan mengikut kluster iaitu kawasan penempatan, kawasan suci/keramat, kawasan perkuburan, kawasan tadahan air, kawasan pertanian dan kawasan simpanan. Kawasan simpanan ini juga dikenali sebagai hutan simpan dan merupakan kawasan rayau bagi orang asli untuk mencari rezeki serta ubat ubatan. Walaubagaimanapun, tanah adat orang asli perlu didefinisikan semula dengan mengambil kira aspek undang-undang, memandangkan tidak semua negeri mengiktiraf tanah adat orang asli dan ini boleh menyukarkan proses perwartaan tanah rizab orang asli (Mutakhir, 2020). Tambahan pula, bagi tanah rizab orang asli yang melibatkan kawasan rayau, maka beberapa akta berkaitan seperti Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) dan Akta Perhutanan Negara 1984 perlu dibaca sekali semasa perwartaan mana-mana kawasan tanah rizab orang asli.

## 2.3 Kepentingan Tanah Rizab Orang Asli

Orang asli hanya ingin kewujudan hak tradisi mereka diiktiraf. Oleh itu pengiktirafan terhadap hakmilik tanah yang telah mereka diami secara turun menurun adalah penting dilindungi untuk kelangsungan sosioekonomi, budaya dan pengembangan kerohanian mereka. Isu berkaitan pengiktirafan hak ke atas tanah rizab merupakan masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat orang asli. Tempoh proses permohonan perwartaan tanah rizab mengambil tempoh masa yang lama. Ini menyebabkan penduduk orang asli berasa bimbang tanah yang mereka duduki akan diambil dan perlu berpindah ke kawasan lain. Akta 134 dan Fasal 85 (5) Perlembaggan Malaysia pada dasarnya melindungi tanah rizab orang asli yang mana pembatalanya perlu mendapatkan persetujuan Kerajaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, Kanun Tanah Negara 1965 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan perwartaan mana mana tanah rizab bagi maksud tujuan awam.

Untuk memastikan tanah rizab orang asli ini terpelihara dan menjadi pemilikan orang asli, maka sangat penting tanah rizab ini diwartakan. Tujuannya adalah untuk memudahkan orang asli mengusaha tanah mereka, mewarisi dan melakukan upacara tradisi/adat tanpa diganggu dan sebagai punca ekonomi utama orang asli. Tambahan pula, tanah rizab mempengaruhi kehidupan orang asal jika hak pemilikan mereka dinafikan. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Shafiq & Azima (2014) yang menyatakan bahawa kehilangan hak tanah rizab boleh menyebabkan pengetahuan tradisional orang asal terjejas. Selain itu, sekiranya hak ini diambil maka sosio-kehidupan penduduk peribumi yang hanya bergantung dengan pengetahuan tradisional terancam.

### 3. Metodologi

#### 3.1 Rekabentuk Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana untuk meneroka dan memahami maksud manusia atau kumpulan yang menerangkan masalah sosial manusia mengenai sifat, pendapat dan tingkah laku (Creswell, 2014). Kajian ini juga memilih rekabentuk kajian kes kerana kajian sebagai strategi kajian memerlukan pemahaman secara mendalam berkenaan perkara yang dikaji iaitu kepentingan perwartaan tanah rizab orang asli di kawasan kajian kes orang asli yang telah dipilih. Jenis kajian kes tunggal (single case study) diadaptasi yang melibatkan Kampung Orang Asli, Lenek, Bekok, Johor.

#### 3.2 Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual tidak berstruktur kepada komuniti sasar orang asli di kawasan kajian untuk mengenalpasti kepentingan perwartaan tanah rizab terhadap orang asli. Sesi temu bual dilaksanakan secara bersemuka selama 30 minit bagi setiap responden di kediaman responden. Untuk mendapatkan data yang seperti yang dikehendaki oleh kajian ini, sesi temubual dibahagikan kepada 3 sesi utama seperti di Jadual 2. Responden kajian ini terdiri daripada tok batin dan Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) Lenek yang merupakan penolong Tok Batin dalam urusan pentadbiran kampung.

**Jadual 2: Instrumen soalan temubual**

Sesi temubual	Skop soalan temubual
Sesi 1	Butiran demografi responden
Sesi 2	Pengalaman responden menangani rizab kampung orang asli
Sesi 3	Pandangan responden terhadap kepentingan tanah rizab kepada masyarakat orang asli


#### 3.3 Data Analysis

Kajian ini mengadaptasi kaedah analisis rangkaian tematik (thematic network analysis) dari Attride-stirling (2001). Data yang telah disalin (transcribed) dianalisa dan disusun mengikut tema iaitu tema utama, sub-tema dan sub-tema kecil. Perincian bagaimana data dianalisa dan disusun mengikut tema seperti yang diillustrasi di Jadual 3.

**Jadual 3: Susunan analisis tematik (Attride-stirling, 2001)**

Tema utama	Sub-tema (ST) (dikenalpasti dari kajian lepas)	Sub-tema kecil (STK)
Kepentingan perwartaan	ST1: Hak pemilikan	STK1: Dijana dari data temubual STK2: Dijana dari data temubual ....dan seterusnya
	ST2: Kelestarian sosioekonomi	STK1: Dijana dari data temubual STK2: Dijana dari data temubual ....dan seterusnya

Data yang telah dianalisa dan disusun dipetakan seperti di Rajah 1 untuk lebih mudah difahami.




**Rajah 1: Contoh pemetaan analisa tematik (Attride-stirling, 2001)**

Sub-tema kecil yang telah dikenalpasti disusun mengikut sub-tema yang telah ditetapkan. Proses ini juga dikenali sebagai proses pengkodan (coding). Sekiranya terdapat sub tema kecil baharu yang dijana dari data yang diperolehi dari kerja lapangan (temubual) tetapi tidak mewakili mana-mana sub-tema sedia ada yang telah dikenalpasti dari kajian lepas, maka sub-tema baharu akan diwujudkan.

#### **4. Keputusan dan Perbincangan**


##### **4.1 Latarbelakang Kawasan Kajian**

Rajah 2 merupakan lokasi kes kajian yang dipilih untuk mengenalpasti kepentingan perwartaan tanah rizab orang asli iaitu Kampung Orang Asli Lenek, Pekan Bekok.



**Rajah 2: Perkampungan Orang Asli Lenek, Pekan Bekok (Portal Google Maps, 2020)**


#### 4.2 Kepentingan Perwartaan Tanah Rizab Orang Asli



**Rajah 3: Pemetaan kognitif analisa tematik kepentingan perwartaan tanah rizab Orang Asli di kawasan kajian**

Rajah 3 menunjukkan pemetaan kognitif analisa tematik kepentingan perwartaan tanah rizab terhadap masyarakat orang asli di kawasan kajian. Berdasarkan Rajah 3, *sub-tema kecil* yang dijana dari data temubual telah membentuk 4 *sub-tema* yang akhirnya setiap satu telah dikenalpasti membentuk *tema utama* iaitu Kepentingan Perwartaan. Perincian setiap *sub-tema kecil*, *sub-tema* dan *tema utama* yang dipetakan pada Rajah 3 dibincangkan seperti berikut:

(a) *Sub-Tema 1: Kelestarian Hak Pemilikan*



**Rajah 4: Sub-tema 1 - Kelestarian hak pemilikan**

Merujuk kepada Rajah 4, hasil dari analisa data menunjukkan perwartaan tanah rizab orang asli adalah sangat penting terhadap masyarakat orang asli kerana melalui perwartaan, masyarakat orang asli dapat mempertahankan hak pemilikan tanah terjamin daripada hilang diceroboh oleh pihak-pihak lain melalui aktiviti seperti pembalakan haram. Selain itu, melalui perwartaan tanah rizab, pendudukan orang asli di kawasan tanah rizab itu diiktiraf oleh kerajaan. Disamping itu, perwartaan tanah rizab juga dapat mempertahankan hak pemilikan tempat yang telah mereka duduki dan usahakan sejak turun menurun daripada hilang diambil oleh pihak lain.

Kenyataan ini disokong dari petikan temubual berkaitan kepentingan perwartaan tanah rizab kepada orang asli oleh Responden 2:


“.....Ya, bagi kami masyarakat orang asli hak pemilikan tanah sangat penting untuk kami. Dengan itu kami sentiasa memastikan hak pemilikan kami terjamin untuk mengelakkan daripada tanah masyarakat orang asli yang telah diusahakan secara turun terumun diambil oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Seterusnya, masyarakat orang asli tidak dapat untuk mempertahankan tanah tersebut daripada diambil oleh pihak luar, sekiranya tiada hak pemilikan yang terjamin diberikan kepada masyarakat orang asli. Dengan itu, adalah sangat penting untuk memastikan setiap tanah memiliki hak pemilikan yang terjamin untuk melindungi hak-hak orang asli terhadap tanah”. (Temubual, 2020)

Responden 3 juga menyokong kenyataan bahawa perwartaan adalah penting untuk kelestarian hak pemilikan dengan menyatakan:

“.... Dalam memastikan hak pemilikan keatas tanah sangat penting untuk memastikan orang asli tidak hilang hak keatas tanah yang dimiliki secara turun temurun tersebut. Pada pandangan saya masyarakat orang asli pada masa ini telah bersedia untuk memiliki hak yang sama keatas tanah yang dimiliki. Hal ini kerana, masyarakat orang asli pada masa ini telah hidup mengikut arus perdana. Pentingnya hak pemilikan ini diperjuangkan oleh masyarakat orang asli adalah untuk memastikan tiada lagi masyarakat orang asli yang hilang hak ketas tanah yang mereka duduki selama ratusan tahun tersebut. Selain itu, untuk memastikan masyarakat orang asli dapat tinggal diatas tanah yang diiktiraf oleh kerajaan. Tanah merupakan sesuatu yang sangat penting untuk masyarakat orang asli kerana tanah merupakan jati diri kami semua sebagai orang asli”. (Temubual, 2020)

Rumusan dari Rajah 4 menunjukkan perwartaan tanah rizab penting untuk kelestarian hak pemilikan dengan memastikan hak pemilikan tanah diiktiraf, tidak hilang dan dijamin oleh peruntukan undang-undang.

(b) Sub-Tema 2: Kelestarian Sosioekonomi



**Rajah 5: Sub-tema 2 - Kelestarian sosioekonomi**

Merujuk kepada Rajah 5, hasil dari analisa data menunjukkan perwartaan tanah rizab orang asli adalah penting bagi melestarikan sosioekonomi masyarakat orang asli. Melalui perwartaan tanah rizab, orang asli bebas untuk mengusahakan tanah yang diduduki dan hasilnya dapat dikomersilkan yang mana dapat menjana pendapatan dan sumber pekerjaan kepada masyarakat orang asli.

Kenyataan ini disokong seperti petikan temubual oleh responden 2 iaitu:


“....Tiada tanah maka tiadalah sumber ekonomi untuk masyarakat orang asli kerana tidak ramai orang kampung sekarang yang berkerja di luar ataupun di bandar. Kebanyakan masyarakat orang asli di kampung ini masih lagi berkerja di kampung dengan mengusahakan kebun seperti bercucuk tanam, menoreh getah dan hasil ladang sawit. Ratarata orang asli di kampung ini hanya bergantung kepada hasil tanah sebagai punca utama sumber ekonomi mereka. Dengan hasil tanah yang mereka usahakan digunakan untuk menanggung perbelanjaan harian dan juga segala perbelanjaan pendidikan anak-anak. Maka sekiranya tiada sumber pendapatan daripada hasil tanah mereka segala pendapatan masyarakat orang asli akan terjejas. Oleh itu, pentingnya tanah kami untuk diwarta dan diiktiraf menjadi hak orang asli untuk memastikan punca utama ekonomi kami tidak akan diganggu gugat oleh orang lain” (Temubual, 2020)

Responden 3 pula mengesahkan kenyataan dari responden 2 seperti petikan:

*“....Pewartaan tanah rizab sangat penting untuk masyarakat orang asli agak memastikan orang asli mempunyai hak untuk memajukan sesuatu tanah untuk dijadikan sumber ekonomi orang asli. Serta, kami berharap agar sekiranya berlaku proses pegambilan balik tanah keatas tanah yang diusahakan masyarakat orang asli mendapat nilai pampasan yang sama seperti tanah-tanah yang memiliki hak pemilikan yang lebih terjamin. Tanpa adanya tanah maka masyarakat orang asli akan hilang punca pendapatan dan akan menjelaskan sumber ekonomi”. (Temubual, 2020)*

Rumusan dari Rajah 5 mendapati tanah merupakan sumber utama ekonomi masyarakat orang asli. Oleh itu perwartaan tanah rizab orang asli dapat melestarikan sosiekonomi msyarakat orang asli di kawasan kajian.

(c) Sub-Tema 3: Kelestarian Kampung Orang Asli



**Rajah 6: Sub-tema 3 - Kelestarian kampung Orang Asli**


Rajah 6 menunjukkan perwartaan tanah rizab penting untuk kelestarian kampung orang asli. Hasil kajian mendapati perwartaan tanah rizab boleh membantu melestarikan kampung orang asli dimana tanah yang diduduki secara tradisi dapat dilindungi dan dikekalkan untuk generasi masyarakat orang asli masa depan.

Kenyataan ini disokong seperti petikan temubual oleh responden di kawasan kajian:

*“.....Segala perjuangan yang diperjuangkan oleh masyarakat orang asli pada masa kini adalah untuk memastikan generasi yang akan datang tidak akan ditindas oleh orang luar yang jauh lebih berpengetahuan luas tentang segala pembangunan yang berlaku mengikut peredaran zaman. Dengan pewartaan tanah rizab orang asli nasib generasi yang akan datang akan lebih terjamin dalam status berhubung dengan isu tanah. Mereka bebas untuk memajukan tanah-tanah yang telah diwartakan tanpa sebarang masalah yang berkaitan dengan hak milik. Pembangunan mereka juga akan lebih berkembang maju lebih baik pada masa yang akan datang” (Temubual, 2020)*

Rumusan dari Rajah 6 mendapati perwartaan tanah rizab dapat melindungi tanah dan mengekalkan generasi orang asli di sesuatu kampung. Oleh itu, perwartaan sangat penting untuk kelestarian kampung orang asli.

(d) Sub-Tema 4: Kelestarian Budaya



**Rajah 7: Sub-tema 4 - Kelestarian budaya**

Rajah 7 menunjukkan perwartaan tanah rizab penting untuk kelestarian budaya masyarakat orang asli. Sejak berzaman lamanya, hutan adalah kehidupan bagi masyarakat orang asli. Hutan dan orang asli memang tidak dapat dipisahkan. Hutan bukan sahaja sebagai tempat untuk berlindung tapi juga sebagai sumber utama harian mereka seperti sumber makanan. Oleh itu perwartaan tanah rizab ini dapat melestarikan budaya orang asli dalam mengekalkan cara dan gaya hidup dalam hutan, memelihara khazanah tradisi orang asli yang berkaitan kehidupan dalam hutan dan juga memulihara kemahiran dan pengetahuan tradisional turun menurun iaitu ilmu watan yang dimiliki oleh orang asli berkaitan kehidupan dalam hutan seperti ilmu mengenlpasti pokok-pokok herba untuk ubat tradisi, kemahiran menjejak orang hilang, memanah dan sebagainya.

Rumusan hasil kajian ini telah mengenalpasti 4 kepentingan utama perwartaan tanah rizab orang asli iaitu: *Kelestarian Hak pemilikan; Kelestarian Sosioekonomi; Kelestarian Kampung Orang Asli dan Kelestarian Budaya*. 2 kepentingan yang telah dikenalpasti adalah bertetapan dan mengesahkan kajian lepas oleh Mutakhir (2020) dan Mohd Shafiq & Azima (2014) iaitu: *Kelestarian Hak pemilikan dan Kelestarian Sosioekonomi*. Hasil kajian juga telah mengenalpasti 2 lagi sub-tema tambahan iaitu: *Kelestarian Kampung Orang Asli dan Kelestarian Budaya*.

## 5. Kesimpulan

Kajian ini adalah berkenaan kepentingan perwartaan tanah rizab orang asli yang dilaksanakan di kampung orang asli Lenek, Bekok, Johor. Kaedah kualitatif melalui temubual bersama masyarakat orang asli yang terpilih dilaksanakan. Hasil kajian telah mengenalpasti empat kepentingan perwartaan tanah rizab kepada masyarakat orang asli iaitu Kelestarian hak pemilikan; Kelestarian sosioekonomi; kelestarian kampung orang asli dan Kelestarian budaya.

Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak yang berkepentingan dalam menguruskan kebajikan orang asli. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat orang asli berkenaan kepentingan perwartaan tanah tempat mereka tinggal sejak tradisi. Selain daripada itu, hasil kajian ini telah menambah pengetahuan baharu berkenaan kepentingan perwartaan tanah rizab kepada orang asli.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia kerana menyokong kajian ini.

## Rujukan

- Malaysia (1954). Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), pindaan 2006, Persuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia dengan kerjasama percetakan Nasional Malaysia Bhd, 2006
- Malaysia (2010). Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716), Percetakan Nasional Berhad, 2010
- Malaysia (1984). Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). International Law Book Services, 2014
- Attride-stirling, J. (2001). Thematic networks: an analytic tool for qualitative research. *Qualitative Research*.
- Benjamin, G. (2004). Orang Asli. In *Southeast Asia: A Historical Encyclopedia from Angkor Wat to East Timor, Volume 2*. [http://nanyang.academia.edu/GeoffreyBenjamin/Papers/1196302/Orang\\_Asl](http://nanyang.academia.edu/GeoffreyBenjamin/Papers/1196302/Orang_Asl)
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage
- Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
- Mohd Shafiq & Azima Abdul Manaf (2014). The imperative of ownership recognition of the native customary right land (NCR): understanding the needs of the Bidayuh community of Serian, Sarawak, *Geografia. Malaysian Journal of Society and Space*, vol.10, pp.171-1
- Mutakhir, (2020). Ada negeri tak iktiraf tanah adat Orang Asli. Retrieved May 28, 2020, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/535099/ada-negeri-tak-iktiraf-tanah-adat-orang-asli>
- Organisations, S., & General, S. (2018). *Human Rights Situation of the Indigenous Peoples (Orang Asal) in Malaysia Submission on the 3rd Cycle Universal Periodic Review of Malaysia 2018*.
- Perlembagaan persekutuan tanah melayu 1957
- Sahabat Alam Malaysia, & Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia. (2017). *Pencerobohan Tanah Adat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia: Punca & Penyelesaian*. Sahabat Alam, JKOAS.